

17 JUN 1996

Abu Hassan-pertandingan

KEMENTERIAN ANJUR PERTANDINGAN KELUARGA HIDUP SELESA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menganjurkan pertandingan "Keluarga Hidup Selesa" bagi mengenal pasti keluarga berpendapatan RM1,500 sebulan atau kurang yang dapat menikmati kehidupan selesa.

"Golongan ini dipilih kerana sasaran kempen inflasi sifar kerajaan serta perkiraan Indeks Harga Pengguna Kedua ditumpukan kepada barangan dan perkhidmatan asas yang biasanya digunakan oleh mereka," kata menteri berkenaan Datuk Abu Hassan Omar, hari ini.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini bahawa cara hidup keluarga yang memenangi pertandingan itu boleh diteladani keluarga lain daripada golongan pendapatan serupa.

Pertandingan itu memberi penekanan kepada empat keperluan asas iaitu makanan, tempat tinggal, pakaian dan pengangkutan bagi meninjau bagaimana sesebuah keluarga daripada golongan itu masih mampu hidup selesa dengan usaha kerajaan menstabilkan harga barang perlu.

"Golongan ini juga perlu berhemat apabila berbelanja, membuat perancangan sebelum membeli, membeli ikut kemampuan dan mengelakkan membeli barang yang tidak perlu dan berlebihan," katanya.

Pertandingan itu dibahagikan kepada kategori bandar dan luar bandar dengan pemenang dipilih berdasarkan taraf dan kos hidup kategori masing-masing. Ia akan dimulakan di peringkat daerah yang dikendalikan Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah dan seterusnya di peringkat negeri yang diselaraskan oleh Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri.

Jawatankuasa Penilai Kebangsaan akan memilih pemenang peringkat kebangsaan dari kalangan wakil setiap negeri, kata Abu Hassan.

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan KEMAS akan memilih calon yang sesuai dari kampung masing-masing dan mengisi borang penyertaan sebelum tarikh tutup peringkat daerah pada 31 Okt 1996. Tarikh tutup permohonan peringkat negeri ialah 31 Dis 1996 dan peringkat kebangsaan pada 28 Feb 1987.

Pemenang peringkat kebangsaan akan diumumkan pada Hari Pengguna Sedunia 1997.

Pertandingan itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 Jun lepas sempena Hari Pengguna Sedunia 1996. -- BERNAMA

NJ NAK